



SIARAN AKHBAR

UNTUK TERBITAN SEGERA
RABU, 26 OGOS 2015

NAZA TTDI menang bidaan projek R2-1 di Kwasa Damansara

KWASA DAMANSARA -- Naza TTDI Sdn Bhd memenangi bidaan projek pembangunan kediaman seluas 12.7 ekar di Kwasa Damansara dikenali sebagai R2-1. Surat tawaran bertarikh 24 Ogos 2015 menggariskan syarat bagi pihak terbabit untuk memuktamadkan dan memeterai Perjanjian Hak Pembangunan dalam tempoh 60 hari.

Keputusan itu diumumkan oleh Kwasa Land Sdn Bhd, pemaju utama perbandaran ikonik seluas 2,330 ekar yang juga anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengarah Urusan Kwasa Land, Dato' Mohd Lotfy Mohd Noh berkata, "Pemilihan Naza TTDI sebagai rakan kongsi pembangunan dibuat berdasarkan kepada jangkaan kadar pulangan yang tinggi yang telah ditawarkan oleh pemaju iaitu dengan Nilai Semasa Bersih (NPV) pelaburan bernilai RM88 juta atau bersamaan RM160 sekaki persegi."

"Cadangan konsep pembangunan oleh Naza TTDI adalah yang terbaik dan menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh Kwasa Land. Panel penilai bebas yang dilantik yakin dengan cadangan pemaju berkenaan yang berkonsepkan gaya hidup kontemporari dan strategi penetapan harga jualan yang menepati kehendak pasaran."

Syarikat pembida ini telah mencadangkan konsep perumahan komuniti secara berpagar dan terkawal serta dilengkapi dengan taman tema berkonsepkan kehijauan dan kontemporari. Di samping itu, pembangunan ini turut dilengkapi dengan rumah kelab yang lebih luas dan selesa memudahkan penghuni-penghuni kediaman berinteraksi antara satu sama lain dan pastinya menjanjikan keistimewaan kepada pembangunan kediaman ini.

Pembangunan ini turut diserlahkan dengan pembinaan halaman persendirian dan perumahan berbentuk kluster di mana setiap unit dapat menikmati panorama pemandangan yang luas dan ruang pencahayaan yang mencukupi, salah satu ciri yang diimpikan oleh setiap pembeli rumah.

Lebih dari 1.8 ekar telah diperuntukkan untuk 'Taman Rekreasi Utama' (Central Park) yang akan dijadikan sebagai kawasan bebas kenderaan. Taman ini akan dihubungkan dengan 'Taman Perbandaran' (Urban Park), yang merupakan salah satu taman terbesar di Kwasa Damansara yang berkeluasan 42 ekar.

Sememangnya lokasi R2-1 merupakan lokasi yang sangat strategik kerana jaraknya hanya 0.2km daripada pembangunan pusat bandar Kwasa Damansara, dimana terdapat dua stesen Transit Aliran Massa (MRT) di situ.

Pembangunan ini dijangka menarik minat mereka yang sedang mencari kediaman di kawasan prima terakhir di Lembah Klang. R2-1 bakal mendapat manfaat daripada penyambungan rangkaian tiga lebuhraya sedia ada dan satu lebuhraya baru yang dicadangkan pembinaannya, Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH), dua stesen MRT serta terminal udara Subang Skypark yang berdekatan.

Penilaian telah dijalankan oleh dua penilai bebas yang dibahagikan kepada dua bahagian, penilaian kualitatif dan penilaian kuantitatif.

Di bawah penilaian kualitatif, penyerah tender dikehendaki menyerahkan konsep pembangunan dan cadangan susun atur bagi parcel R2-1 berdasarkan kepadatan yang diluluskan, fasa pembangunan, ciri-ciri unik dengan susun atur perancangan, visual 3-D serta pelan landskap. Jualan hartanah bagi keseluruhan pembangunan mestilah siap sepenuhnya dalam tempoh enam tahun.

Di bawah penilaian kuantitatif pula, penyerah tender dikehendaki menyerahkan harga tender asas sekaki persegi bersama-sama dengan analisis kemajuan kewangan mereka.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai pembangunan perbandaran yang dibangunkan oleh Kwasa Land, sila layari www.kwasaland.com.my

MENGENAI KWASA LAND SDN BHD

Kwasa Land Sdn Bhd adalah sebuah syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan modal saham RM50 juta dan modal berbayar semasa sebanyak RM32 juta. Kwasa Land telah ditubuhkan pada bulan September 2010 untuk menguruskan pelaburan pembangunan hartanah KWSP yang bernilai berbilion ringgit di negara ini.

Sebagai pemaju induk, Kwasa Land diamanahkan untuk memajukan sebuah bandar komuniti lestari untuk tempoh 20 tahun akan datang, yang terdiri daripada gabungan pembangunan hab moden untuk kediaman, komersial, rekreasi dan fasiliti pendidikan. Ia juga akan menggabungkan sistem pengangkutan bersepadu yang menghubungkannya dengan sistem MRT ke seluruh Lembah Klang.

SIARAN AKHBAR ini disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Korporat, Kwasa Land Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Nor Hazqiah Che Idris di talian +6012 3843138 (hazqiah@kwasaland.com.my) atau Siti Anisah Sheikh Osman di talian +6014 6358600 (sitiansah@kwasaland.com.my).